

28/09/2001

Gabungan NGO bantah pembinaan laluan kedua

Ridzuan Yop

GEORGETOWN, Khamis - Satu gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang dikenali sebagai 'Pengangkutan Mapan Pilihan Pulau Pinang' (STOP) membantah cadangan pembinaan laluan kedua bernilai RM2.3 bilion menghubungkan bahagian pulau dan tanah besar yang diluluskan kerajaan baru-baru ini.

Gabungan itu, membabitkan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Sahabat Alam Malaysia (SAM), Badan Warisan Pulau Pinang, Pengangkutan Alam Sekitar Mapan Pulau Pinang, Sustainable Independent Living and Acces, Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) Pulau Pinang dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Pulau Pinang.

Mereka mendesak supaya laluan kedua tidak dibina kerana pada ketika ini tiada dasar pengangkutan mapan yang menyeluruh di Pulau Pinang, selain ketidaksesuaian cadangan itu.

Sehubungan itu, gabungan berkenaan dalam kenyataannya yang dikeluarkan di sini hari ini, menyatakan mereka turut menghantar surat terbuka berhubung bantahan itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Jurucakap STOP, S M Mohamad Idris yang juga Presiden CAP, berkata gabungan itu juga berpendapat laluan kedua itu sepatutnya menjadi laluan ketiga kerana laluan pertama iaitu perkhidmatan feri dan diikuti Jambatan Pulau Pinang.

Sehubungan itu, katanya, STOP membantah pembinaan itu dengan menggariskan tujuh perkara yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan terhadap sistem pengangkutan mapan di Pulau Pinang.

Tujuh perkara itu ialah meneliti semula keseluruhan sistem pengangkutan, kecenderungan pemilikan kereta, kepadatan kenderaan, kemalangan dan kesihatan, kurangnya perancangan pengangkutan bersepadu, keprihatinan terhadap laluan kedua, ketelusan dan pertanggungjawaban.

Katanya, kerajaan Pusat dan kerajaan negeri perlu mengambil kira sistem pengangkutan di Pulau Pinang secara menyeluruh dan ketika ini usaha meningkatkan keberkesanan pengangkutan awam terlalu sedikit.

Beliau berkata, cadangan pembinaan laluan kedua itu tidak akan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Jambatan Pulau Pinang.

"Sebabnya ialah di Pulau Pinang sendiri terutama di bahagian pulau sudah wujud kesesakan lalu lintas yang serius," katanya dengan meminta kerajaan mempertimbangkan secara serius untuk meningkatkan perkhidmatan feri sedia ada.

Kerajaan Pulau Pinang sebelum ini memutuskan untuk membina laluan kedua di jajaran selatan, sepanjang 20 kilometer menghubungkan Batu Maung di bahagian pulau ke Batu Kawan di Seberang Prai Selatan (SPS).

(END)